

**HUBUNGAN ANTARA GAYA ASUHAN IBU BAPA
DENGAN TAHAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH**

MOHAMAD RIZUAN BIN ABDULLAH

Disertasi ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan (Psikologi)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2013

DEDIKASI

*Bonda yang dikasihinya Pn. Ramlah bt. Yusof
Ayahanda yang disanjunginya En. Abdullah bin Ali
Bapa Mertua yang disegani En. Ibrahim bin Yaacob
Ibu Mertua yang dihormatinya Pn. Hazimah bt. Yusof*

Buat keluarga kecilku:

*Isteriku tercinta Yusniza bt. Ibrahim
Puteri Pertamaku Nabilah Husna
Puteri Keduaku Najibah Humaira
Putera Pertamaku Nuqman Hakeem*

Buat rakan seperjuangan & anak didikku:

*Warga Sekolah Menengah Zon Permas Jaya
Pasir Gudang
Johor*

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Berkuasa atas segala kurnia dan izinNya maka dapatlah saya menyempurnakan kajian pendidikan ini bagi memenuhi syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Psikologi). Alhamdulillah.

Sesungguhnya dalam menyediakan kajian ini, pelbagai rintangan dan halangan terpaksa ditempuhi. Walaubagaimanapun, akhirnya semua perkara tersebut dapat diatasi dan kajian ini juga tidak akan terhasil tanpa sokongan, bimbingan dan galakan daripada beberapa pihak.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Yeo Kee Jiar selaku penyelia kajian atas segala nasihat, bimbingan serta tunjuk ajar secar berterusan kepada saya sehingga kajian penyelidikan ini dapat diselesaikan.

Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada para pensyarah dan staf UTM khususnya Fakulti Pendidikan, rakan sekuliah, rakan seperjuangan serta individu yang terlibat secara lansung dalam memberi kerjasama dan sokongan sepanjang pengajian saya. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada warga pendidik serta pelajar sekolah menengah Zon Permas Jaya, Johor.

Akhir sekali, individu yang menyokong penuh sepanjang pengajian saya iaitu isteri tercinta Yusniza Bt. Ibrahim. Beliau banyak memberi dorongan dan membangkitkan kekuatan untuk saya menyelesaikan kajian ini. Buat anak-anak sekalian, terima kasih kerana memahami dan ruang yang diberikan.

Semoga tuhan merahmati segala sumbangan kalian. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Mendidik serta mengasuh seorang anak ataupun pelajar bukanlah seperti membina sebuah rumah ataupun bangunan. Tanggungjawab serta peranan ini perlu dipikul bersama antara kita semua. Peranan utama sudah tentunya terletak dibahu seorang ibu dan bapa yang mana merekalah induk ataupun ketua bagi sesebuah keluarga. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan antara gaya asuhan yang diterapkan oleh ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah. Seramai 450 orang pelajar tingkatan empat dipilih daripada sekolah menengah Zon Permas Jaya, Johor. Set soal selidik digunakan sebagai instrumen. Bahagian A adalah mengkaji maklumat responden, Bahagian B pula terdiri daripada 30 soalan berkaitan pola gaya asuhan ibu bapa, manakala Bahagian C memuatkan maklumat pencapaian akademik responden. Hasil dapatan menunjukkan keputusan Spearman rho yang digunakan untuk analisis antara gaya asuhan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar. Keputusan telah menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara semua jenis gaya asuhan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar. Hasil analisis menunjukkan koefisien kolerasi ialah $r_s = 0.121$, $p = 0.01 < 0.05$ bagi gaya asuhan permisif, $r_s = -0.134$, $p = 0.004 < 0.01$ bagi gaya asuhan autoritatif, dan $r_s = -0.116$, $p = 0.014 < 0.05$ bagi gaya asuhan autoritarian. Oleh sebab itu, hipotesis nol ditolak bagi semua jenis gaya asuhan. Terdapat hubungan positif yang signifikan antara gaya asuhan permisif dengan pencapaian akademik pelajar manakala terdapat hubungan negatif antara gaya asuhan aotoritatif dan autoritarian dengan pencapaian akademik pelajar. Di akhir kajian ini, beberapa cadangan dikemukakan untuk pengkaji masa hadapan untuk menghasilkan kajian yang lebih baik.

ABSTRACT

It is not easy to nurture and educate a child or student compared to build a structure. Together, all of us must bear these the responsibility and important role. Parents are the key roles which are the leaders of any family. Thus, the research aims to study the relationship between nurturing skill used by the parents compared to students academic result at school. 450 students among form four students were chosen from the secondary school in Permas Jaya Zone. A questionnaire set was used as the instrument. Section A comprises of the study of the respondent's background, while section B is a set of 30 question related to parent's nurturing skill polar. Section C contain the respondent's academic result. The result shows that using the Spearman rho to analyze the relation between the nurturing skill and student's academic result. From the study there is a significant relationship between all the nurturing skill styles and the student's academic result. The analysis shows the co-efficient correlation is $r_s = 0.121$, $p = 0.01 < 0.05$ for the permissive nurturing skill, $r_s = -0.134$, $p = 0.004 < 0.01$ for the authoritative, and $r_s = -0.116$, $p = 0.014 < 0.05$ for the authoritarian. Therefore, the nol hypothesis is rejected for all styles of nurturing skill and proves that there is a significant positive relation between permissive nurturing skill and student's academic result. Meanwhile, there is negative relation between authoritative and authoritarian nurturing skill, compared to student's academic result. Lastly, there are several recommendations available for future researcher in order to produce a better research.

KANDUNGAN

| BAB | PERKARA | HALAMAN |
|--------------|--|----------------|
| | JUDUL | ii |
| | PENGESAHAN PENYELIA | iii |
| | PENGAKUAN | iv |
| | DEDIKASI | v |
| | PENGHARGAAN | vi |
| | ABSTRAK | vii |
| | ABSTRACT | viii |
| | | |
| BAB 1 | Pengenalan | |
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Latar Belakang Masalah | 3 |
| | 1.3 Pernyataan Masalah | 4 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 7 |
| | 1.5 Persoalan Kajian | 8 |
| | 1.6 Hipotesis Kajian | 9 |
| | 1.7 Kepentingan Kajian | 10 |
| | 1.8 Batasan Kajian | 11 |
| | 1.9 Definisi Konsep dan Definisi Operasional | 11 |
| | 1.10 Penutup | 13 |
| | | |
| BAB 2 | SOROTAN LITERATUR | |
| | 2.1 Pengenalan | 14 |
| | 2.2 Gaya Asuhan | 17 |

| | | |
|-------|--|----|
| 2.2.1 | Gaya Asuhan Autoritatif | 18 |
| 2.2.2 | Gaya Asuhan Autoritarian | 20 |
| 2.2.3 | Gaya Asuhan Permisif | 21 |
| 2.3 | Teori Ekologo Brofenbrenner | 25 |
| 2.4 | Kajian Lepas | 27 |
| 2.4.1 | Kajian Dalam Negara | 28 |
| 2.4.2 | Kajian Luar Negara | 30 |
| 2.5 | Hubungan Antara Gaya Asuhan Terhadap Pencapaian Akademik | 31 |
| 2.6 | Kerangka Teori Kajian | 34 |
| 2.7 | Peranan Ibu Bapa | 35 |
| 2.8 | Penutup | 37 |

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|------|-------------------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan | 38 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 39 |
| 3.3 | Tempat Kajian | 40 |
| 3.4 | Populasi dan Sampel Kajian | 41 |
| 3.5 | Instrumen Kajian | 41 |
| 3.6 | Kajian Rintis | 47 |
| 3.7 | Keesahan dan Kebolehpercayaan | 48 |
| 3.8 | Prosedur Kajian | 49 |
| 3.9 | Analisa Data | 49 |
| 3.10 | Kaedah Penganalisaan Data | 51 |
| 3.11 | Analisa Inferensi | 52 |
| 3.12 | Penutup | 53 |

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

| | | |
|------|--|----|
| 4.1 | Pengenalan | 54 |
| 4.2 | Latar Belakang Responden | 55 |
| 4.3 | Taburan Responden Mengikut Bangsa | 55 |
| 4.4 | Taburan Responden Mengikut Jantina | 56 |
| 4.5 | Taburan Responden Mengikut Pendapatan Isi Rumah | 57 |
| 4.6 | Taburan Responden Mengikut Pencapaian Akademik | 58 |
| 4.7 | Taburan Min Keseluruhan Pola Gaya Asuhan Ibubapa | 58 |
| 4.8 | Taburan Min Pola Gaya Asuhan Permisif | 59 |
| 4.9 | Taburan Min Pola Gaya Asuhan Autoritatif | 60 |
| 4.10 | Taburan Min Pola Gaya Asuhan Autoritarian | 61 |
| 4.11 | Persoalan Kajian 1: Apakah jenis gaya asuhan yang diterapkan oleh ibu bapa mengikut jantina? | 62 |
| 4.12 | Persoalan Kajian 2: Apakah jenis gaya asuhan yang diterapkan oleh ibu bapa mengikut bangsa? | 64 |
| 4.13 | Persoalan Kajian 3: Apakah jenis gaya asuhan yang diterapkan oleh ibu bapa mengikut pendapatan isi rumah? | 66 |
| 4.14 | Persoalan Kajian 4: Apakah tahap pencapaian akademik mengikut jantina? | 69 |
| 4.15 | Persoalan Kajian 5: Apakah tahap pencapaian akademik mengikut bangsa? | 70 |
| 4.16 | Persoalan Kajian 6: Apakah tahap pencapaian akademik mengikut pendapatan isi rumah? | 71 |
| 4.17 | Persoalan Kajian 7: Adakah terdapat hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar? | 72 |
| 4.18 | Penutup | 73 |

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

| | | |
|---------|---|----|
| 5.1 | Pengenalan | 74 |
| 5.2 | Rumusan Kajian | 74 |
| 5.3 | Perbincangan Kajian | 76 |
| 5.3.1 | Gaya Asuhan | 76 |
| 5.3.2 | Tahap Pencapaian Akademik | 77 |
| 5.3.3 | Hubungan antara Gaya Asuhan Ibu bapa dengan Tahap Pencapaian Akademik | 78 |
| 5.3.3.1 | Gaya asuhan ibu bapa mengikut jantina | 79 |
| 5.3.3.2 | Gaya asuhan ibu bapa mengikut bangsa | 80 |
| 5.3.3.3 | Gaya asuhan ibu bapa mengikut pendapatan isi rumah | 81 |
| 5.3.3.4 | Tahap pencapaian akademik mengikut jantina | 82 |
| 5.3.3.5 | Tahap pencapaian akademik mengikut bangsa | 82 |
| 5.3.3.6 | Tahap pencapaian akademik mengikut pendapatan isi rumah | 82 |
| 5.3.3.7 | Hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan tahap pencapaian akademik | 83 |
| 5.4 | Ringkasan Kajian | 83 |
| 5.5 | Implikasi Hasil Kajian | 87 |
| 5.5.1 | Ibu bapa | 87 |
| 5.5.2 | Sekolah | 88 |
| 5.5.3 | Penyelidik | 89 |
| 5.6 | Cadangan Kajian Lanjutan | 89 |
| 5.7 | Penutup | 90 |
| | RUJUKAN | 91 |
| | LAMPIRAN | 99 |

SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | TAJUK | HALAMAN |
|-------------------|---|----------------|
| Jadual 2.1 | Gaya Asuhan Dua Dimensi Baumrind | 24 |
| Jadual 3.5.1 | Pengagihan Nombor Soalan Mengikut Pola Gaya Asuhan | 43 |
| Jadual 3.5.2 | Item Kecenderungan Pola Gaya Asuhan Ibu bapa Permisif | 44 |
| Jadual 3.5.3 | Item Kecenderungan Pola Gaya Asuhan Ibu bapa Autoritatif | 45 |
| Jadual 3.5.4 | Item Kecenderungan Pola Gaya Asuhan Ibu bapa Autoritarian | 46 |
| Jadual 3.5.5 | Pengagihan skor gaya asuhan ibu bapa | 46 |
| Jadual 3.5.6 | Tahap pencapaian akademik responden | 47 |
| Jadual 3.6 | Keputusan Kebolehpercayaan | 48 |
| Jadual 3.9 | Guilford's Rule of Thumbs | 50 |
| Jadual 3.11 | Kaedah Penentuan Pemilihan Statistik Proses Penganalisan Data | 52 |
| Jadual 4.3 | Taburan Responden Mengikut Bangsa | 55 |
| Jadual 4.4 | Taburan Responden Mengikut Jantina | 56 |
| Jadual 4.5 | Taburan Responden Mengikut Pendapatan Isi Rumah | 57 |
| Jadual 4.6 | Taburan Responden Mengikut Pencapaian Akademik | 58 |

| | | |
|---------------|---|----|
| Jadual 4.7 | Taburan Min Secara Keseluruhan Pola Gaya Asuhan Ibu Bapa | 58 |
| Jadual 4.8 | Taburan Min Pola Gaya Asuhan Ibu Bapa Permisif | 59 |
| Jadual 4.9 | Taburan Min Pola Gaya Asuhan Ibu Bapa Autoritatif | 60 |
| Jadual 4.10 | Taburan Min Pola Gaya Asuhan Ibu Bapa Autoritarian | 61 |
| Jadual 4.11 | Keputusan Ujian-t Antara Gaya Asuhan Ibu Bapa Dengan Jantina | 62 |
| Jadual 4.12 | Keputusan Ujian MANOVA Antara Gaya Asuhan Ibu Bapa Dengan Bangsa | 64 |
| Jadual 4.12.1 | Ujian Post Hoc LSD ANOVA | 65 |
| Jadual 4.13.1 | Keputusan Ujian Multivariat Antara Pendapatan Keluarga Pelajar dengan Gaya Asuhan Ibu Bapa | 66 |
| Jadual 4.13.2 | Ujian Kesan Antara Subjek | 67 |
| Jadual 4.13.3 | Ujian Post Hoc LSD MANOVA | 67 |
| Jadual 4.14 | Keputusan Mann-Whitney U Bagi Pencapaian Akademik Pelajar dan Jantina | 69 |
| Jadual 4.15 | Keputusan Ujian Kruskal-Wallis H Bagi Pencapaian Akademik Pelajar dan Bangsa | 70 |
| Jadual 4.16 | Keputusan Spearman rho Antara Pencapaian Akademik Pelajar Dengan Pendapatan Keluarga Pelajar. | 71 |
| Jadual 4.17 | Keputusan Spearman rho Antara Gaya Asuhan Pelajar Dengan Pencapaian Akademik Pelajar. | 72 |

SENARAI RAJAH

| NO. RAJAH | TAJUK | HALAMAN |
|------------------|-----------------------|----------------|
| Rajah 2.2 | Kerangka Teori Kajian | 34 |

SENARAI SIMBOL

| | | |
|---|---|------------------------|
| f | - | Frekuensi |
| p | - | Nilai Signifikan |
| r | - | Nilai Korelasi Pearson |
| % | - | Peratus |
| > | - | Lebih besar |
| < | - | Lebih kecil |
| = | - | Sama dengan |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Malaysia adalah merupakan salah sebuah negara yang sedang pesat membangun. Hasrat pemimpin terdahulu untuk melihat Malaysia muncul sebagai salah sebuah negara maju menjelang tahun 2020 adalah bukan mustahil. Tahun tersebut menjadi wawasan bagi setiap rakyat negara ini untuk melihat negara kita berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kuasa-kuasa besar dunia yang lain seperti Amerika Syarikat, Jepun dan China.

Matlamat ini tidak akan tercapai sekiranya satu elemen yang sangat penting kita abaikan iaitu institusi kekeluargaan. Di sinilah bermulanya pendidikan dan asuhan yang semulajadi bagi setiap manusia. Modal insan akan bermula daripada penerapan gaya asuhan ibu bapa terhadap anak. Menurut Zahazan (2006) tugas paling utama yang terpikul di atas bahu ibu bapa adalah mendidik anak dan membentuk mereka dengan pembentukan yang betul. Oleh itu, sudah menjadi tanggungjawab dan peranan ibu bapa

mencorakkan anak mereka melalui teladan dan gaya asuhan yang betul. Anak ibarat kain putih dan ibu bapalah yang menentukan corak di atasnya.

Perkara ini juga dinyatakan oleh Burns (1979), keluarga adalah agen sosialisasi utama kanak-kanak. Ini adalah kerana keluarga memainkan peranan untuk menentukan perasaan anak sama ada mereka rasa disayangi, diperlukan dan berkebolehan ataupun sebaliknya. Anak-anak akan menilai sendiri menerusi tindakbalas fizikal dan emosi berpandukan teladan dan gaya asuhan yang mereka terima daripada ibu bapa.

Hamachek (1971) menyatakan kepentingan ibu dalam membentuk peribadi anak. Hakikat ini memang tidak disangkal lagi kerana ibu mempunyai hubungan paling istimewa dengan anak mereka berbanding individu lain walaupun bapa mereka sendiri. Hal ini jelas dinyatakan dalam Islam yang mana kedudukan ibu diletakkan paling atas untuk dihormati serta disanjung oleh setiap individu. Interaksi seorang anak dengan ibu bermula sejak dalam kandungan sehinggalah lahir. Malah sehingga dewasa sekalipun kebanyakan individu lebih selesa dan senang berinteraksi dengan ibu berbanding bapa. Tambah Hurlock (1974), konsep sendiri kanak-kanak adalah dipengaruhi oleh perhubungan mereka dengan ibunya kerana kebanyakan masa yang dihabiskan bersama ibu di rumah adalah lebih banyak berbanding dengan individu lain. Walaubagaimanapun, peranan bapa dalam mencorak dan menerapkan gaya asuhan kepada anak-anak tidak boleh dinafikan. Selain menjadi ketua keluarga yang menyediakan keperluan hidup, bapa juga memberi pengaruh yang besar dalam menerapkan gaya asuhan terhadap anak mereka.

Pembentukan modal insan dan juga penerapan gaya asuhan tidak hanya tertumpu di rumah ataupun ibu bapa sahaja. Peranan ini turut disokong oleh persekitaran. Salah satunya adalah institusi pendidikan seperti sekolah. Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara, sistem persekolahan formal akan melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan holistik (JERIH). Guru menjadi induk dalam institusi awam ini. Guru akan mengembangkan ilmu pengetahuan melalui proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) disamping menerapkan nilai-nilai murni

melalui teladan dan nasihat. Perkembangan pelajar dalam akademik diukur melalui peperiksaan awam yang utama seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

1.2 Latar Belakang Masalah

Ibu bapa mempunyai kedudukan yang tinggi pada pandangan masyarakat dan agama. Fungsi ibu bapa dalam membentuk anak-anak sukar dicari ganti. Melalui mereka anak-anak mengenal kasih sayang, nilai-nilai kehidupan dan erti kasih sayang. Islam sendiri menuntut supaya ibu bapa diberikan kedudukan yang tinggi dalam institusi keluarga dan masyarakat. Ibu bapalah yang mencorakkan kehidupan anak seawal mereka dilahirkan.

Sistem keluarga tidak akan berfungsi dengan sempurna dan sepenuhnya sekiranya tiada elemen-elemen asas seperti agama, nilai moral, kasih sayang serta pengetahuan tentang ilmu-ilmu kekeluargaan (Azizi, 2009). Namun pada masa kini, terdapat pelbagai halangan dalam menerapkan elemen-elemen asas tersebut. Keperluan yang kian mendesak dalam kehidupan memaksa kaum ibu turut tampil ke hadapan membantu kaum bapa untuk bersama memerah keringat mencari rezeki. Tugas mengasuh dan mendidik anak sementara mereka tiada di rumah diserahkan kepada individu lain yang mereka lantik seperti pengasuh ataupun pembantu rumah.

Kepentingan menitikberatkan pembangunan anak-anak merupakan amalan yang dipelopori oleh ulama-ulama Islam sejak zaman silam berasaskan ajaran Islam bersumberkan Qur'an dan Sunnah. `Uqbah bin Abi Sufyan ketika menghantar anaknya kepada seorang guru berpesan beliau kepada guru tersebut dengan kata-katanya: "Hendaklah perkara pertama ketika engkau memperbaiki anakku ialah memperbaiki

dirimu, sebab matanya akan menurut matamu, yang baik pada mereka ialah apa yang engkau pandang baik, yang buruk di sisi mereka ialah apa yang engkau pandang buruk, ajarkan mereka jalan kehidupan orang bijak pandai, tunjukkan akhlak orang-orang mulia, engkau boleh mengancam dia dengan diriku, pereloklah perilakunya tanpaku, jadilah seperti seorang doktor yang tidak memberikan ubat sebelum mengetahui penyakitnya, janganlah engkau cuai kerana kekurangan yang ada padaku sebab aku telah menyerahkan dia atas kesempurnaan yang ada padamu. ”Kenyataan tersebut jelas menggambarkan kepada kita semua bahawa ibu bapa merupakan acuan utama dalam pembentukan peribadi dan personaliti anak-anak.

Pencapaian akademik yang baik, sederhana mahupun lemah pelajar ditentukan menerusi ujian dan juga peperiksaan yang mereka tempuhi. Melalui pendekatan ataupun keadah yang digunakan oleh ibu bapa dalam memberi ajaran serta penerapan nilai melalui gaya asuhan terhadap anak-anak mereka, maka secara tidak langsung memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar. Pelajar akan mengaplikasikan nilai-nilai yang mereka pelajari dalam menjalani kehidupan sebagai seorang pelajar.

Dalam kajian ini, pengkaji mengenalpasti gaya asuhan yang diterapkan oleh ibu bapa dalam membentuk personaliti anak mereka iaitu subjek yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah yang berumur enam belas tahun di sekolah menengah Zon Permas Jaya, Johor.

1.3 Pernyataan Masalah

Golongan remaja hari ini khususnya yang masih dibangku persekolahan semakin berani menunjukkan kemampuan mereka samada yang positif mahupun yang negatif. Malah sudah ada segelintir antara mereka yang turut terlibat dalam kes jenayah. Bermula daripada kes yang ringan sehinggalah kes yang berat yang boleh mengancam nyawa orang lain. Antaranya ponteng sekolah, terlibat dalam kegiatan merokok dan menagih dadah, menyertai kumpulan kongsi gelap, rogol, ragut, mencuri serta merompak dan malah ada rekod menunjukkan mereka juga terlibat dengan kes bunuh.

Perangkaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan sepanjang 2009, sebanyak 3,654 kes di kalangan remaja termasuk jenayah berat seperti rogol, ragut, samun berkumpulan dan bersenjata serta jenayah kekerasan dilaporkan dengan 1,409 kes membabitkan pelajar sekolah. Bagi sepanjang tahun 2010 pula, 5,165 kes di kalangan remaja dilaporkan, masing-masing 1,947 kes membabitkan pelajar dan 3,218 kes oleh bukan pelajar, iaitu peningkatan 38 peratus dan 43 peratus berbanding 2009. Perangkaan pada 2009 juga menunjukkan 3,263 kes membabitkan pelajar dan 4,497 kes bukan pelajar ditahan atas pelbagai kesalahan jenayah di seluruh negara, manakala 3,701 pelajar dan 4,404 bukan pelajar ditahan tahun lalu. Sementara itu, bagi lima bulan pertama tahun ini, sebanyak 585 kes jenayah dilaporkan di kalangan pelajar, manakala 1,048 bukan pelajar dengan masing-masing membabitkan 2,426 tangkapan.

Senario tersebut amat membimbangkan semua lapisan masyarakat. Modal insan yang menjadi harapan negara ini masih terkial-kial mencari satu personaliti positif yang teguh. Pihak bertanggungjawab sentiasa memikirkan jalan dan mencari formula yang mujarab untuk menangani gejala ini daripada terus merebak. Usaha tersebut banyak disia-disiakan oleh remaja itu sendiri. Sebagai contoh, kerajaan telah mengeluarkan belanja yang tinggi untuk membangunkan sesetengah pusat rekreasi semata-mata untuk menyediakan kemudahan kepada remaja untuk beriadah. Tetapi sebaliknya remaja lebih suka menghabiskan masa dengan melepak tidak tentu hala di pusat membeli belah dan

ada juga yang memilih untuk membahayakan diri sendiri dan orang lain dengan berlumba secara haram di jalan raya.

Salah satu pihak yang yang paling memberi pengaruh yang paling tinggi dalam perkembangan remaja adalah ibu bapa. Diana Baumrind (1967;1971) menegaskan bahawa terdapat perkaitan rapat antara cara gaya ibu bapa membimbing anak mereka dengan perkembangan sosial dan konsep sendiri kanak-kanak. Ibu bapa bekerjaya perlu bijak mengatur dan membahagikan masa sesama mereka untuk memastikan perkembangan anak-anak sentiasa dalam pemantauan.

Kajian oleh Mitchell (1989) serta D'Angelo dan rakan-rakan (1995) menunjukkan kekurangan perhatian dari bapa memainkan peranan dalam pembentukan tingkah laku anti sosial. Mereka akan terasa terabai dan bebas melakukan apa yang mereka kehendaki dan gemari tanpa pemantauan dan teguran daripada ibubapa. Akhirnya kanak-kanak ini membesar dalam keadaan dan persekitaran tersebut.

Kajian oleh Herzoy dan rakan-rakan (Muhd.Mansur, 1988), mendapati 70 peratus responden mereka lari dari rumah dan terlibat dengan dadah disebabkan oleh suasana rumah yang menekan, sikap ibu bapa yang tidak mengambil tahu dan jurang antara mereka.

Sementara itu, hubungan antara penerapan gaya asuhan yang diterapkan oleh ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar boleh diperhatikan dalam catatan berikut. Peperiksaan Percubaan PMR bagi tahun 2012 mencatatkan keputusan yang sederhana bagi keseluruhan sekolah di daerah Pasir Gudang. SMK Permas Jaya yang mana terdiri daripada 285 orang calon telah mencatatkan keputusan 57.19% kelulusan. Sementara itu, SMK Permas Jaya 2 dan SMK Permas Jaya 3 masing-masing mencatatkan 17.51% dan 20.25% kelulusan. Daripada jumlah itu, SMK Permas Jaya 2 diwakili oleh 257 orang calon dan SMK Permas Jaya 3 diwakili oleh 158 orang calon. Peratusan kelulusan yang dicatatkan ini masih amat jauh daripada sasaran yang diletakkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah dan juga Jabatan Pendidikan Negeri. Justeru itu, kajian ini

akan menfokus kepada gaya asuhan yang diterapkan oleh ibu bapa dan hubungannya dengan pencapaian akademik para pelajar.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini juga akan menghuraikan beberapa objektif kajian seperti berikut :

- 1.4.1 Mengetahui perbezaan dalam gaya asuhan ibu bapa antara jantina pelajar.
- 1.4.2 Mengetahui perbezaan dalam gaya asuhan ibu bapa merentas bangsa pelajar.
- 1.4.3 Mengetahui perbezaan antara gaya asuhan ibu bapa terhadap pendapatan isi rumah keluarga pelajar.
- 1.4.4 Mengetahui perbezaan dalam tahap pencapaian akademik antara jantina pelajar.
- 1.4.5 Mengetahui perbezaan dalam tahap pencapaian akademik merentas bangsa pelajar.
- 1.4.6 Mengetahui perbezaan hubungan antara tahap pencapaian akademik dengan pendapatan isi rumah keluarga pelajar .
- 1.4.7 Mengetahui perbezaan hubungan dalam gaya asuhan ibu bapa merentas pencapaian akademik pelajar.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini cuba memperoleh jawapan terhadap soalan-soalan berikut :


- 1.5.1 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam gaya asuhan ibu bapa antara jantina pelajar?
- 1.5.2 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam gaya asuhan ibu bapa merentas bangsa pelajar?
- 1.5.3 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya asuhan ibu bapa terhadap pendapatan isi rumah keluarga pelajar?
- 1.5.4 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap pencapaian akademik antara jantina pelajar?
- 1.5.5 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap pencapaian akademik merentas bangsa pelajar?
- 1.5.6 Adakah terdapat hubungan antara tahap pencapaian akademik dengan pendapatan isi rumah keluarga pelajar?
- 1.5.7 Adakah terdapat hubungan dalam gaya asuhan ibu bapa merentas pencapaian akademik pelajar?

1.6 Hipotesis Kajian

Berikut adalah hipotesis kajian ini:

- 1.6.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam gaya asuhan ibu bapa antara jantina pelajar.
- 1.6.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam gaya asuhan ibu bapa merentas bangsa pelajar.
- 1.6.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya asuhan ibu bapa terhadap pendapatan isi rumah keluarga pelajar.
- 1.6.4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap pencapaian akademik antara jantina pelajar.
- 1.6.5 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap pencapaian akademik merentas bangsa pelajar.
- 1.6.6 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pencapaian akademik dengan pendapatan isi rumah keluarga pelajar.
- 1.6.7 Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam gaya asuhan ibu bapa merentas pencapaian akademik pelajar.


1.7 Kerangka Teoritikal



Kajian ini menggunakan Teori Ekologi Brofrenbrenner. Teori ekologi ini menerangkan bahawa konteks sosial kanak-kanak membesar dan individu yang mempengaruhi kehidupan kanak-kanak tersebut. Teori ini juga menjelaskan bahawa perkembangan kanak-kanak adalah hasil interaksi antara persekitaran dengan kanak-kanak tersebut.

Menurut Model Keibubapaan Baumrind, terdapat tiga jenis gaya asuhan ibu bapa terhadap anak-anak mereka iaitu autoritatif, autoritarian dan permisif. Ketiga-tiga gaya asuhan ini perlu diketahui oleh ibu bapa agar mereka dapat memilih jenis gaya asuhan yang sesuai diaplikasikan ketika berinteraksi dengan anak-anak. Ibu bapa seharusnya tidak terlalu terikat kepada satu-satu gaya sahaja, malah sebaliknya mengamalkan pelbagai gaya mengikut keperluan mendisiplinkan anak.

1.8 Kerangka Konsep



Kerangka konsep tersebut menerangkan bahawa terdapat tiga pola gaya asuhan ibu bapa yang dijalankan dalam kajian ini iaitu gaya asuhan autoritatif, gaya asuhan autoritarian, dan gaya asuhan permisif.

Tiga pola gaya asuhan tersebut akan dikaitkan dengan empat item iaitu jantina responden, bangsa responden, pendapatan isi rumah keluarga responden dan juga pencapaian akademik responden iaitu keputusan Penilaian Menengah Rendah tahun 2012.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan dan panduan kepada ibu bapa, guru-guru serta masyarakat dalam mengenalpasti personaliti dan perwatakan yang ditunjukkan oleh remaja terutama yang masih di bangku sekolah. Kenyataan bahawa remaja negara kita sedang menghadapi krisis keruntuhan moral sangat membimbangkan semua pihak dan perlu ditangani segera.

Kajian ini juga boleh memberi panduan yang berguna kepada ibubapa dalam mengenalpasti cara dan juga kaedah yang bersesuaian digunakan dalam membentuk dan membimbing anak mereka dan seterusnya menrealisasikan harapan mereka melihat anak-anak berjaya dalam pelajaran . Rumah merupakan premis pertama yang menjadi acuan kepada perkembangan anak. Ibu bapa yang menjadi pengurus kepada premis tersebut berperanan besar dalam memastikan setiap penghuninya iaitu anak-anak berkembang dari segi fizikal dan mental. Secara tidak lansung ibu bapa juga dapat mengenalpasti gaya asuhan yang bersesuaian diterapkan kepada anak-anak demi masa depan dan juga kemampuan akademik mereka.

Sebagai pendokong kepada kemajuan negara kelak, seharusnya seorang remaja mempunyai personaliti yang unggul seperti berikut menghormati orang yang lebih tua, tidak mudah berputus asa, mempunyai jati diri yang utuh dan tidak mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir yang tidak sihat dan negatif, tegas dalam mempertahankan kebenaran dan berupaya menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi

1.10 Batasan Kajian

Batasan dalam melaksanakan kajian ini adalah responden dan juga kaedah kajian. Pertama, kajian ini dijalankan ke atas 450 pelajar tingkatan empat di sekolah menengah Zon Permas Jaya yang terdiri dari pelajar lelaki dan perempuan. Responden dipilih mengikut kedudukan kelas kerana ingin mendapatkan pelajar yang mempunyai pencapaian akademik baik, sederhana dan lemah. Responden terdiri daripada pelajar berbangsa Melayu, Cina, India dan Lain-lain. Jumlah keseluruhan pelajar tingkatan empat untuk ketiga-tiga buah sekolah ini adalah 700 orang.

Kedua, kaedah soal selidik dipilih sebagai kaedah mendapatkan maklumat daripada responden. Oleh itu, pengkaji membuat andaian responden memberikan maklumat yang tepat semasa menjawab. Keesahan dan kebolehpercayaan kajian ini adalah berdasarkan andaian tersebut. Kajian ini mengkaji gaya asuhan ibu bapa yang autoritarian, gaya asuhan permisif dan gaya asuhan autoritatif ibu bapa dalam membentuk pelajar yang berupaya mencapai pencapaian akademik yang baik, sederhana ataupun lemah.

1.11 Definisi Konsep dan Definisi Operasional

Beberapa istilah yang digunakan dalam penulisan ini memerlukan definisi yang terperinci. Definisi ini perlu kerana pengertian umum dengan pengertian dalam kajian ini mungkin berbeza. Istilah-istilah tersebut adalah seperti berikut :

1.11.1 Asuhan

Gaya asuhan membawa maksud tatacara ataupun gaya yang digunakan oleh ibu bapa dalam membentuk, mengajar, mendidik, dan berkomunikasi dengan anak-anak. Menurut Mohd Daud (1994), pengasuhan memberikan satu konotasi yang positif dan merupakan suatu gerak kerja yang mempunyai unsur teknikal yang sebenarnya saintifik.

1.11.2 Iubapa

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, iubapa membawa maksud orang tua (emak dan ayah); keibubapaan (sifat, hal, dan sebagainya) yang berkaitan dengan ibu bapa: dengan adanya ilmu ~ ini, mereka tidak akan meraba-raba dalam kesamaran.

Sementara itu, menurut Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka (1997), ibu bapa merujuk kepada perkaitan biologi ataupun hubungan sosial iaitu ibu bapa angkat yang diberi hak penjagaan. Oleh itu, bagi tujuan kajian ini, ibu bapa di sini merujuk kepada sesiapa yang menjaga remaja tersebut sehingga pada kajian ini dijalankan.

1.11.3 Pencapaian Akademik

Takrif untuk pencapaian akademik dalam kajian ini telah dibahagikan kepada tiga kumpulan pencapaian. Pengkaji telah mengelaskan pencapaian pelajar ini kepada 'baik' untuk pencapaian 3A dan keatas, 'sederhana' untuk pencapaian lulus semua matapelajaran dan 'lemah' untuk pencapaian E sekurang-kurangnya satu mata pelajaran.

1.11.4 Pelajar

Menurut Kamus Dewan (1991), pelajar didefinisikan sebagai orang yang belajar di sekolah, maktab dan universiti. Dalam kajian ini, pelajar yang dimaksudkan adalah pelajar tingkatan empat di sekolah menengah yang dikaji.

1.12 Penutup

Di dalam bab ini, pengkaji telah menerangkan skop yang hendak dikaji, meliputi pendahuluan terhadap kajian, latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian. Berdasarkan kepada perkara-perkara yang telah dinyatakan dalam bab ini secara teratur dan sistematik, dan diharapkan hasil kajian akan diperolehi. Kaedah untuk mendapatkan hasil kajian yang diinginkan akan dijelaskan dalam bab berikutnya.

RUJUKAN

- Alice Rani, A.S. (1988). *Gaya Asuhan Keluarga dan Pembentukan Personaliti Remaja*. UKM: Tesis Ijazah Sarjana Muda (Tidak diterbitkan)
- Arnold, D. H. Zeljo, A. dan Doctoroff, G.L.(2008). *Parent involvement in preschool. Predictors and the relation of involvement to prelitory development*. School Psychology Review, 37(1), 74-90.
- Azizi Yahaya et. al (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya dan Mohd Sofie Bahari 2010. *Gaya Asuhan Ibu Bapa Remaja Terhadap Tingkahlaku*. Fakulti Pendidikan, UTM.
- Bandura A. dan Walters R.H. (1959). *Adolescent Aggresion*. Ronald Press.
- Bandura, A. dan Mischel, W.(1986). *Social Foundation Of Thought And Action: A Social And Cognitive Theory*.
- Barnard, W. M. 2006. *Parent involvement in elementary school and educational attainment*. In J. S. lee & N. K. Bowen, *Parent involvement, cultural capital and the achievement gap among elementary school children*. American Educational Research Journal 43(2): 39-62.
- Baumrind, D. (1968). *Autoritarian vs Autoritative Parental Central Adolescence*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Baumrind, D. (1971). *Current Patterns Of Parental Authority*. Developmental Psychology Monographs, 4, part 2.

Bronfenbrenner, u. 1979. *The ecology of human development: Experiments by nature and design*. Cambridge, MA: Harvard university Press.

Bronfenbrenner, u. 1986. *Ecology of the family as a context for human development: Research perspectives*. *Developmental Psychology* 22: 723-742.

Burns, R.B (1979). *The Self Concept : Measurement, Development and Behaviour*. London : Longman

Christenson, S. I. dan Sheridan, S. M. 2001. *School and families: Creating essential connections for learning*. New York: Guilford Press.

Christenson, S. I. 2004. *The family-school partnership: An opportunity to promote the learning competence of all students*. *School Psychology Review* 33: 83-104.

Christenson, S. I., Rounds, T. dan Gorney, d. 1992. *Family factors and student achievement: An avenue to increase students' success*. *School Psychology Quarterly* 7: 178-206.

Clark, M. R. 1994. *Homework-focused parenting that positively affect student achievement*. In *A new generation of evidence: The family is critical to student achievement*, T. H. Anne dan B. Berla. (eds.). New York: National Committee for Citizen in Education.

Coleman, J. 1988. *Social capital and the creation of human capital*. *American Journal of Sociology* 94: 95-120.

Cooper, H., Robinson, J. C. & Patall, E. A. 2006. *Does homework improve academic achievement?: A synthesis of research, 1987-2003*. *Review of Educational Research* 76(1): 1-62.

- D'Angelo, L., Getson, P., dan Lubnan, N. (1991). *Human Immunodeficiency Virus Infection in Urban Adolescents: Can We Predict Who is at Risk?* *Pediatrics*, 88, 982-986.
- dePlanty, J., Coulter-Kern, R. dan Duchane, K. A. 2007. *Perceptions of parent involvement in academic achievement*. *The Journal of Educational Research* 100(1): 361-368.
- Desimone, I. 1999. *linking parent involvement with student achievement: do race and income matter?* *The Journal of Educational Research* 93(1): 11-28.
- Deslandes, R. & Bertrand, R. 2005. *Motivation of parent involvement in secondary-level schooling*. *The Journal of Educational Research* 98: 164-175.
- Epstein, J. I. 1989. *Family structures and student motivation: A developmental perspective*. In *Research on motivation in education: Vol 3. Goals and cognitions*, C. Ames dan R. Ames. (eds.). New York, NY: Academic Press.
- Epstein, J. I. 2001. *Building bridges of home, school, and community: The importance of design*. *Journal of Education for Students Placed at Risk* 6(1 & 2): 161-168.
- Fan, X. dan Chen, M. 2001. *Parental involvement and students' academic achievement: A meta-analysis*. *Educational Psychology Review* 13(1): 1-22.
- Fariza Md. Sham. 1998. *Corak tingkah laku keibubapaan dan perkembangan psikologi remaja muslim*. *AlMawzah* 6: 57-68.
- Gaitire 2011. *Asuhan Ibu Bapa dan Hubungannya Dengan Tahap Pencapaian Akademik Pelajar*. *Fakulti Pendidikan, UTM*

- Garg, R., Kauppi, C., Lewko, J. & Urajnik, D. 2002. *A structural model of educational aspirations*. *Journal of Career Development* 29(2): 87-108.
- Goldscheider, F. K., Thornton, A. & Yang, I.-S. 2001. *Helping out the kids: Expectations about parental support in young adulthood*. *Journal of Marriage and Family* 63(3): 727-740.
- Green, C. I., Walker, J. M. T., Hoover-Dempsey, K. V. & Sandler, H. M. 2007. *Parents' motivations for involvement in children's education: An empirical test of a theoretical model of parental involvement*. *Journal of Educational Psychology* 99(3): 532-544.
- Grolnick, W. S., Benjer, C., Kurowski, C. O., Apostoleris, N. H. 1997. *Predictors of parent involvement in children's schooling*. *Journal of Educational Psychology* 89: 538-548.
- Hamachek, Don E. (1971). *Encounters with The Self*. New York : Holt, Rinehart and Winston.
- Henderson, A. T., & Mapp, K. I. 2000. *A new wave of evidence: The impact of family, school, community connections on student achievement*. Austin, TX: Southwest Educational Development Laboratory.
- Heymann, S. J. & Earle, A. 2000. *Low income parents: How do working conditions affect their opportunity to help school-age children at risk?* *American Educational Research Journal* 37: 833-848.
- Hoover-Dempsey, K. V. & Sandler, H. M. 1995. *Parental involvement in children's education: Why does it make a difference?* *Teachers College Record* 97: 310-331.

- Hoover-dempsey, K. V., & Sandler, H. M. 1997. *Why do parents become involved in their children's education*. Review of Educational Research 61(3): 3-42.
- Hurlock, Elizabeth B. (1974). *Personality Development*. New York: McGraw-Hill.
- Izzo, C. V., Weissberg, R. P., Kasprow, W. J. & Fendrich, M. 1999. *A longitudinal assessment of teacher perceptions of parent involvement in children's education and school performance*. American Journal of Community Psychology 27(6): 817-839.
- James M. I. 2008. *Parental involvement in their child's education*. Ph.d. dissertation. Capella university, Minnesota, AAT 3297024.
- Kamus Dwibahasa (1991). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Dwibahasa (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Keith, P. B. & Lichtman, M. V. 1994. *Does parental involvement influence the academic achievement of Mexican-American eighth graders? Results from the National Education longitudinal Study*. School Psychology Quarterly 9(4): 256-272.
- Kleiner, J. 2005. *Parental assistance during homework interactions: The roles of scaffolding and parents' awareness of their children's skill levels*. Ph.d., dissertation, Northwestern university, AAT3177747
- Kohl, G. O., Lengua, L. J. & McMohan, R. J. 2000. *Parent involvement in school: Conceptualizing multiple dimensions and their relations with family and demographic risk factors*. Journal of School Psychology 38(6): 501-523.
- Lam Paw Lin & Muhammad Yusuf. 1991. *Tingkah laku keibubapaan dan penghargaan sendiri remaja*. Jurnal Psikologi Malaysia 7: 61-79.

- Lareau, A. 2000. *Home advantage: Social class and parental intervention in elementary education*, lanham, Md: Roman & littlefield.
- Lawson, M. A. 2003. *School-family relations in context: Parent and teacher perceptions of parental involvement*. *Urban Education* 38: 77-133.
- Lee, J. S., & Bowen, N. K. 2006. *Parent involvement, cultural capital, and the achievement gap among elementary school children*. *American Educational Research Journal* 43(2): 193-219.
- Miedel, W. T., & Reynolds, A. J. 1999. *Parent involvement in early intervention for disadvantaged children: does it matter?* *Journal of School Psychology* 37: 379-402.
- Mohamad Daud Hamzah (1994). *Perkembangan Kanak-kanak dan Pembelajaran*. Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd.
- Mohd Daud Hamzah (1990). *Emosi Dalam Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Muhd. Mansur Abdullah (1996). *Proses Kaunseling*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Patterson, G. (1989). *A Developmental Perspective on Antisocial Behaviour*. *American Psychologist*, 44, 329-335.
- Shahabudin Hashim dan Rozihani Yaakub. (2002). *Teori Personaliti dari Perspektif Islam, Timur dan Barat*. Pahang: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.

- Shaverand, A. V. & Walls, R. T. 1998. *Effect of title I, parental involvement on student reading and mathematics achievement*. Journal of Research and Development in Education 31(2): 91-97.
- Smith, J. g. 2002. *Parental involvement in education among low income families: A case study*. The School Community Journal 16(1): 43-56.
- Steinberg, L., Darling, N., & Fletcher, A. C. (1995). *Authoritative Parenting And Adolescent Adjustment: An Ecological Journey*. Child Development, 65, 774-770.
- Thorkildsen, R. & Stein, M. R. S. 1998. *Is parent involvement related to student achievement?: Exploring the evidence*. Phi Delta Kappan 22: 17-20.
- West, A., Noden, P., Edge, A. & david, M. 1998. *Parental involvement in education in and out of school*. British Educational Research Journal 24(4): 461-483.
- Zulkifli, Jamilah, Aminah, Ismi 2011. *Hubungan Penglibatan Ibumama dan Pencapaian Akademik Pelajar Miskin di Negeri Selangor*. Journal of Islamic and Arabic Education 3(2), 2011 31-40.

Terbitan Lain.

Laman Web PPD Pasir Gudang. (www.ppd.pasirgudang.com.my)

Dewan Masyarakat : April 1995

Lembaga Zakat Selangor 2010

<http://www.scribd.com/doc/14532608/Hubungan-Antara-Gaya-Asuhan-Ibubapa-Dengan-Disiplin-Pelajarbaru>

<http://www.find-docs.com/GAYA-ASUHAN-IBU-BAPA-pdf.html>